

Satukan penggiat seni, aktivis sastera

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 April. - Pantaran Sastera DBP 2019 : Semarak Sastera Merdeka diharap dapat

menyatukan penggiat seni dan aktivis sastera dalam sama-sama mengekspresikan semangat nasionalisme juga kecintaan



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab membuka tirai persembahan (kiri). Sementara gambar kanan, Hajah Aminah binti Haji Momin antara penggiat seni dan aktivis sastera yang mengekspresikan semangat nasionalisme juga kecintaan terhadap negara, bangsa dan agama pada persembahan tersebut.

Sembahyang hapuskan dosa

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 April. - Sembahyang adalah tiaqat agama dan kepala bagi segala pendekatan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan mempunyai beberapa kelebihan dan hikmah, antaranya dapat menghindarkan diri seseorang daripada melakukan kejahanan dan kemungkaran juga boleh menghapuskan dosa.

Sembahyang merupakan kunci syurga dan ia adalah amalan yang pertama sekali dihisab pada hari kiamat, jika sembahyangnya baik, maka dia termasuk orang yang bahagia dan berjaya.

Pegawai Buhuth di Jabatan Mufti Kerajaan, Awangku Muhammad Wafiuuddin bin Pengiran Haji Zulkarnain, seterusnya menerangkan tatacara sembahyang menggunakan kerusi bagi orang yang mampu berdiri, mampu rukuk, tetapi tidak mampu sujud.

Dalam ceramahnya bertajuk 'Sembahyang Menggunakan Kerusi' juga menjelaskan tatacara sembahyang menggunakan kerusi bagi orang yang mampu berdiri, tetapi tidak mampu rukuk dan sujud serta tatacara sembahyang menggunakan kerusi bagi orang yang mampu berdiri, tetapi tidak tahan berdiri lama, tidak mampu duduk dan sujud di lantai.

Awangku Muhammad Wafiuuddin seterusnya menekankan yang menjadi kepentingan adalah menjaga rukun-rukun sembahyang dan dalam perkara sembahyang menggunakan kerusi, rukun berdiri, rukuk dan sujud adalah perlu difahami dengan sebenarnya agar sembahyang kita diterima.

Hadir mendengarkan ceramah yang berlangsung di Surau IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Syariah di Jabatan Hal Ehwal Syariah, Awang Haji Suhaimi bin Haji Gemok.

Juga hadir para pelajar IBTE kampus berkenaan dan murid-murid Sekolah Ugama Kawasan Brunei II 'B'.



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Syariah di Jabatan Hal Ehwal Syariah, Awang Haji Suhaimi bin Haji Gemok (tengah) antara yang hadir mendengarkan ceramah di Surau IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal.

terhadap negara, bangsa dan agama.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyaksikan persembahan di Balai Pameran, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Pusat, di ibu negara ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Juga hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil.

Antara persatuan yang mengambil bahagian pada persembahan berkenaan ialah Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI), Kelab RAKIS Universiti Brunei Darussalam (UBD), Akademi UF dan Kumpulan Putra Seni.

Persembahan merupakan anjuran DBP, KKBS melalui Bahagian Sastera dan Majalah bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-35 Tahun dan bagi



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (dua, kanan) hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyaksikan persembahan Pantaran Sastera DBP 2019 : Semarak Sastera Merdeka.

meraikan Sambutan Hari Puisi Sedunia.

Selain itu, persembahan juga diadakan dengan kerjasama persatuan dan penggiat sastera juga pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di negara ini melalui projek Pantaran Sastera DBP 2019.

Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) mengisytiharkan tarikh 21 Mac setiap tahun sebagai Hari Puisi Sedunia sejak tahun 1999 bagi mendukung gerakan membaca, menulis dan menerbitkan puisi di seluruh dunia.

Keberuntungan pelajari dua aliran perundangan

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



KETUA Hakim Syar'ie, Yang Amat Arif Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Salim bin Haji Besar berucap pada Majlis Makan Malam Undang-Undang, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 April. - Pelajar undang-undang yang mampu mempelajari dua aliran perundangan, iaitu sivil dan syariah melalui program dwi-ijazah (LL.B & BSL) adalah merupakan satu keberuntungan, dibandingkan dengan pelajar yang hanya mempelajari satu aliran perundangan sama ada sivil atau undang-undang

syariah sahaja.

Ketua Hakim Syar'ie, Yang Amat Arif Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Salim bin Haji Besar berkata, ini adalah disebabkan pelajar akan dapat mempelajari dua sistem perundangan yang mempunyai latar belakang falsafah dan konsep yang berbeza, walaupun tujuan dan matlamatnya adalah sama, terutama bila pengamalan kedua undang-undang itu untuk menegakkan dan memberikan keadilan kepada yang berhak, bukan untuk membenarkan dan mementingkan perkara yang batil dan bukan hak terutama memanipulasikan undang-undang itu sehingga berpihak kepada yang batil dan salah.

Demikian jelas Yang Amat Arif semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Makan Malam Undang-Undang 2019 anjuran Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang diadakan di Mulia Hotel, di sini.

Majlis Makan Malam tersebut merupakan kali ke-4 diadakan bagi memberikan pendedahan kepada para pelajar mengenai kerjaya di



SEBAHAGIAN daripada mahasiswa yang hadir pada majlis makan malam tersebut.

bidang perundangan, sekali gus mengenali realiti sebenar kehidupan sebagai pengamal undang-undang dan berkenalan serta berinteraksi bersama.

Selain itu, pertemuan tersebut juga diharap dapat dijadikan sebagai pembakar semangat, sumber inspirasi dan seterusnya menjadikan para pelajar undang-undang mempunyai misi dan visi yang jelas di dalam dunia perundangan.

Terdahulu, majlis telah dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah diketuai oleh pelajar tahun akhir Program Dwi-Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dan Sarjana Muda Syariah, Awang Md. Amiruddin @ Amin bin Haji Kamaluddin dan diteruskan dengan ucapan Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, UNISSA, Dr. Hajah Mas Nooraini binti Haji Mohiddin selaku Pengurus majlis.

Sepanjang acara, majlis diserikan dengan persembahan sketsa dan sajak daripada gabungan pelajar Tahun 3 dan Tahun 5, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang diadakan di Mulia Hotel, di sini.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan sesi bergambar ramai.

Turut hadir ialah Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Amat Arif Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Suahili bin Haji Mohiddin; Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Yang Arif Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohd. Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Yang Arif Awang Haji Johar bin Haji Muhamad, Yang Arif Awang Haji Hassan bin Haji Metali; Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal; para pegawai kehakiman, pegawai undang-undang, peguam-peguam dan pengamal undang undang lainnya.